

# Muhyiddin yakin kerajaan beri pengiktirafan khas kepada Dr. Mahathir

UM 21 JUN 2009

KUALA LUMPUR 21 Jun — Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin yakin kerajaan dan UMNO akan memberikan pengiktirafan khas kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad atas sumbangannya kepada parti dan negara.

Menurutnya, pelbagai cadangan yang bagus telah dikemukakan kepada kerajaan dan UMNO agar pengiktirafan itu diberikan kepada Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO.

"Ini bukan satu perkara kecil, ini isu besar, ini perlu diserahkan kepada pucuk pimpinan parti dan kerajaan," katanya ketika ditemui pada Perhimpunan Agung UMNO Kc-54 pada hari terakhir, hari ini.

Katanya, perkara itu perlu diserahkan kepada bakal Perdana Menteri dan bakal Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih kepimpinan negara dan parti daripada Dr. Mahathir mulai Oktober depan.

"Kalau perlu beliau dapatkan pandangan pemimpin parti yang dianggap sesuai untuk memberikan pengiktirafan kepada Dr. Mahathir dan Datuk Seri Abdullah tentulah akan memberikan pandangan dan perhatian beliau," jelasnya.

Beliau diminta mengulas mengenai cadangan Pengerusi Tetap UMNO,

Tun Sulaiman Ninam Shah kepada perwakilan agar mengemukakan usul tergepar para Perhimpunan Agung UMNO hari ini untuk melantik Dr. Mahathir sebagai Penasihat Seumur Hidup parti dan kerajaan.

Sulaiman mengemukakan cadangan itu semalam memandangkan Perdana Menteri merupakan negarawan ulung yang sukar dicari ganti.

Mengenai perhimpunan khas untuk memperingati Dr. Mahathir, Muhyiddin berkata, Majlis Tertinggi (MT) UMNO belum membincangkannya dan dijangka disentuh pada mesyuarat akan datang.

Bagaimanapun, katanya, hasrat itu harus mendapat pandangan Dr. Mahathir sendiri yang masih merupakan Presiden UMNO.

Sementara itu, bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah menyambut baik cadangan itu.

Namun, katanya, perkara itu perlu terserah kepada kerajaan dan kesanggupan Dr. Mahathir sendiri untuk menerimanya.

"Baguslah kalau dia (Dr. Mahathir) sanggup menjadi penasihat," katanya.

Menurutnya, pelantikan penasihat kerajaan dan parti adalah sesuatu yang tidak pernah berlaku sebelum ini.